

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24.10.2016**

**Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [ POKOK SENA ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) jumlah dan nama aset atau projek 1MDB yang telah dijual kepada syarikat negara asing dan nyatakan nilai dalam Ringgit Malaysia setiap satu; dan
- (b) jumlah faedah setahun yang perlu dibayar oleh Kerajaan ke atas setiap bon dan pinjaman 1MDB serta dari manakah sumber wang untuk membayar faedah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, projek dan/atau anak syarikat yang telah dijual dan/atau diusahakan bersama dengan syarikat negara asing adalah seperti berikut:

- i. Penjualan 60% kepentingan ekuiti di dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd pada nilai tanah sebanyak RM12.35 bilion kepada konsortium Iskandar Waterfront Holdings Bhd (“IWH”) bersama China Railway Engineering Corporation Sdn Bhd (“CREC”); dan
- ii. Penjualan 100% kepentingan di dalam syarikat Edra kepada China General Nuclear Group pada nilai ekuiti sebanyak RM9.83 bilion dan pemindahan hutang sebanyak RM7.43 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

Hutang 1MDB akan ditanggung oleh syarikat melalui penjualan aset dan pembangunan hartanah selaras dengan pelaksanaan Pelan Rasionalisasi.

Segala butiran hutang 1MDB serta unjuran dan anggaran sumber dan penggunaan perbelanjaan dana tersebut (*estimated and projected sources and uses of funds*, dengan izin) boleh didapati di dalam Jadual

10, Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR**  
**TARIKH : 24.10.2016**  
**SOALAN : NO. 38**

**Tuan V. Sivakumar [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan keberkesanan mengadakan dua (2) sesi peperiksaan akhir iaitu 28 Oktober 2016 untuk pelajar beragama lain dan 7 November 2016 untuk pelajar beragama Hindu. Adakah syarat-syarat yang dikenakan dalam permohonan ini memudahkan atau memudaratkan pelajar-pelajar Politeknik.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peperiksaan bagi sesi pengajian Jun 2016 di Politeknik telah dijadualkan pada 28 Oktober 2016. Walau bagaimanapun, pihak Politeknik turut prihatin dalam memberi laluan kepada pelajar beragama Hindu membuat persediaan menyambut perayaan Deepavali pada 29 Oktober 2016. Oleh yang demikian, Politeknik telah memberi pilihan kepada pelajar beragama Hindu untuk menduduki peperiksaan bagi beberapa kursus pada 28 Oktober 2016 atau 7 November 2016. Ini membolehkan pelajar membuat persediaan perayaan dan ia tidak mengganggu jadual peperiksaan kursus-kursus lain.

Bagi kelonggaran ini, tiada syarat khusus yang dikenakan kepada pelajar beragama Hindu yang memohon menduduki peperiksaan pada 28 Oktober 2016. Pelajar hanya perlu mengisi nama, nombor pendaftaran, semester pengajian dan nombor kad pengenalan dalam borang permohonan yang telah disediakan dan menyerahkan kembali kepada pegawai yang bertanggungjawab di Politeknik masing-masing. Perbezaan pelaksanaan tarikh peperiksaan juga tidak akan memberi kesan kepada pelajar-pelajar kerana Politeknik telah menyediakan beberapa set soalan berbeza mengikut tahap piawaian yang sama.